

17 AUG 2002

Sukan-Bot Laju/I

ROGGIERO KALAHKAN PEMANDU PILIHAN UNTUK REBUT PETAK PERTAMA

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Massimo Roggiero dari Itali mengalahkan rakan sepasukan Guido Cappellini untuk merebut petak pertama pada Grand Prix Bot Laju Formula 1 Dunia peringkat Malaysia di The Mines Resort City di sini, hari ini.

Roggiero yang berlumba untuk Pasukan Zepter mencatat pusingan terpantas 47.18s pada perlumbaan ujian masa hari ini, yang sekali gus memastikan tempat di petak pertama perlumbaan sebenar esok.

Cappellini, pendahulu kejuaraan Grand Prix Bot Laju F1, mendapat tempat ketiga dengan masa pusingan terpantas 47.67s.

Pelumba Itali ini akan memulakan perlumbaan sebenar esok dari petak ketiga.

Masa kedua terpantas perlumbaan ujian masa hari ini dimenangi Scott Gillman dari Amerika Syarikat dengan 47.57s.

Wakil tunggal Malaysia pada kejohanan ini, Simon Saw ditempat ke-10 dengan 58.33s.

Duarte Benavente dari Portugal dibatalkan penyertaan dan gagal meneruskan perlumbaan, esok.

Bekas juara dunia, Francesco Cantando dari Itali juga gagal menyerlah. Dia menduduki tempat ke-9 yang sekali gus meletakkannya pada kedudukan sukar untuk menaiki pentas pemenang.

Malaysia ialah peringkat ketujuh Grand Prix Bot Laju ini. Peringkat pertama telah diadakan di Portugal diikuti peringkat kedua di Campione, Itali, manakala peringkat ketiga di Finland.

Peringkat keempat dan kelima diadakan di Hungari dan Cagliari, Itali manakala peringkat keenam di Stralsund, Jerman, minggu lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melepaskan perlumbaan Grand Prix Bot Laju peringkat Malaysia ini esok dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

--BERNAMA

AHA ZB